

SOALAN PENILAIAN PEPERIKSAAN ASAS TAKAFUL

BAB 1 - PENGENALAN TAKAFUL

1. Definisi **Takaful menurut Akta Takaful 1984** ialah : (m/s 10)
 - A. Merupakan perkongsian kerugian dikalangan sekumpulan yang terdedah kepada risiko yang sama
 - B. Peserta bersama sama bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud tertentu.
 - C. Skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta.**
 - D. Skim yang berasaskan persaudaraan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta

2. Kata dasar bagi perkataan takaful ialah _____ yang bererti untuk menjamin, menjaga atau memelihara. (m/s 10)
 - A. Ta'awun
 - B. Kafala**
 - C. Takaful
 - D. Takafala

3. Sistem Takaful pada asasnya berteraskan konsep _____(m/s 11)
 - A. Kerjasama, tanggungjawab dan jaminan dikalangan pesertanya
 - B. Kerjasama, tanggungjawab, jaminan, perlindungan dan saling membantu dikalangan pesertanya**
 - C. Kerjasama, tanggungjawab, jaminan dan perlindungan dikalangan pesertanya
 - D. Kerjasama, tanggungjawab, jaminan, perlindungan dan saling memahami dikalangan pesertanya

4. Tujuan konsep Takaful adalah (m/s 11)
- A. Menggalakkan sifat tolong-menolong dan perpaduan dikalangan peserta
 - B. Menggalakkan sifat tolong-menolong dan perpaduan dikalangan peserta selari dengan konsep ta'awun**
 - C. Menggalakkan sifat tolong-menolong dan persefahaman dikalangan peserta selari dengan konsep ta'awun
 - D. Menggalakkan sifat tolong-menolong dan persepakatan dikalangan peserta selari dengan konsep ta'awun
5. Konsep Insuran adalah : (m/s 13)
- A. Satu kumpulan orang yang berikrar untuk mengumpul sumber bagi mengadakan pakatan untuk saling bekerjasama dan tanggung menanggung sesama sendiri jika ditakdirkan mana-mana diantara mereka ditimpa musibah.
 - B. Satu kumpulan orang yang berikrar untuk mengemblend usaha dan tenaga bagi mengadakan pakatan untuk saling bekerjasama dan tanggung menanggung sesama sendiri jika ditakdirkan mana-mana diantara mereka ditimpa musibah.
 - C. Satu kumpulan orang yang berikrar untuk mengumpul serta mengemblend usaha dan sumber bagi mengadakan pakatan untuk saling menjaga dan tanggung menanggung sesama sendiri jika ditakdirkan mana-mana diantara mereka ditimpa musibah.
 - D. Satu kumpulan orang yang berikrar untuk mengumpul serta mengemblend usaha dan sumber bagi mengadakan pakatan untuk saling bekerjasama dan tanggung menanggung sesama sendiri jika ditakdirkan mana-mana diantara mereka ditimpa musibah.**
6. Dibawah sistem Aqilah , setiap ahli bersetuju mewujudkan atu tabung atau kumpulan wang yang dipanggil _____.(m/s 14)
- A. Al-Khanz**
 - B. Al-Qasamah
 - C. At-Tabarru'
 - D. Al-Waqf

7. Tujuan tabung al-khanz adalah untuk (m/s 14)
- A. Menyediakan bantuan untuk ahli yang dibunuh kerana menanggung hutang yang keterlalaan.
 - B. Menyediakan bantuan untuk ahli yang dibunuh jika kes pembunuhan itu tidak diketahui siapa pembunuhnya.
 - C. Menyediakan bayaran sebagai bantuan menolong mana-mana ahli yang terlibat dalam pembunuhan secara tak sengaja.**
 - D. Menyediakan bayaran sebagai bantuan untuk seseorang ahli yang mengalami kerugian kewangan.
8. Struktur pengurusan pengendali takaful boleh dikendalikan oleh entiti-entiti berikut: (m/s 17)
- A. Takaful Keluarga atau Koperasi
 - B. Takaful Tijari atau Koperasi**
 - C. Takaful Tijari atau Takaful Am
 - D. Takaful Am atau Koperasi
9. _____ memberikan perlindungan jangka pendek atas harta benda dan liability terhadap mana-mana kerugian atau kerosakan.(m/s 17)
- A. Takaful Gadai Janji
 - B. Takaful Keluarga
 - C. Takaful Hayat
 - D. Takaful Am**
10. Keistimewaan atau manfaat takaful adalah seperti berikut **KECUALI** (m/s 18)
- A. Para peserta akan lebih yakin menyertai skim perlindungan ini kerana takaful bebas daripada unsur yang bercanggah dengan kehendak Syariah
 - B. Para peserta akan mendapat keuntungan hasil dari sumbangan yang dilaburkan dalam dana takaful**
 - C. Manfaat dari segi rohani di mana para peserta dapat memenuhi tanggungjawab yang disyariatkan oleh agama dan tuntutan social melalui kaedah tabarru'
 - D. Peserta akan lebih yakin kerana jika berlaku sebarang musibah, mereka layak mendapat bantuan daripada dana takaful.

BAB 2 – PENGENALAN MUAMALAT ISLAM

11. Definisi Syariah ialah (m/s 21)

- A. Semua hukum yang diperundangkan melalui Ijma' dan Qiyas
- B. Semua hukum yang disepakati oleh ulama' dalam sesuatu Majlis Fatwa
- C. **Semua hukum yang diciptakan oleh Allah s.w.t untuk hamba-Nya sama ada hukum-hukum ini diperundangkan melalui al-Quran atau as-Sunnah**
- D. Semua hukum yang disepakati dan diperundangkan oleh ulama' serta member kepentingan kepada masyarakat secara umum.

12. Tujuan utama Syariah diturunkan adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia. Berikut adalah kemaslahatan yang perlu dijaga **KECUALI** (m/s 22)

- A. Memelihara agama
- B. **Memelihara bangsa**
- C. Memelihara jiwa
- D. Memelihara harta

13. Ijma' bermaksud (m/s 23)

- A. Proses menyamakan sesuatu masalah yang tidak ada nas hukum dengan masalah yang terdapat nas hukum
- B. Pengecualian khusus terhadap kaedah -kaedah umum hukum syarak dalam usaha mengelakkan sebarang kesusahan atau ketidakadilan yang mungkin terhasil daripada penggunaan undang-undang biasa
- C. **Persepakatan para ulama mujtahid dari kalangan Nabi Muhammad s.a.w pada bila-bila masa selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w di atas satu-satu hukum syarak.**
- D. Segala perkataan, perbuatan atau perakuan daripada Nabi Muhammad s.a.w pada bila-bila masa selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w di atas satu-satu hukum syarak

14. Berikut adalah sumber-sumber yang tidak disepakati oleh Ulama' **KECUALI** (m/s 23-24)

- A. **Qiyas**
- B. Istihsan
- C. Istishab
- D. Masalih Mursalah

15. Muamalat didefinisikan secara khusus sebagai (m/s 26)

- A. **Hukum-hukum Syarak yang mengatur urusan manusia di dunia khususnya tentang pertukaran harta dan manfaat melalui perantaraan akad dan tanggungjawab.**
- B. Hukum-hukum Syarak yang mengatur urusan manusia dengan penciptanya melalui perantara rukun dan tanggungjawabnya.
- C. Hukum-hukum Syarak yang menekankan hubungan sesama manusia melalui pertukaran harta dan manfaat melalui perantaraan akad.
- D. Hukum-hukum Syarak yang memperincikan proses perniagaan khususnya tentang pertukaran harta dan manfaat melalui perantaraan akad dan tanggungjawab.

16. Larangan terhadap riba', penipuan, perjudian dan sebagainya adalah _____ dalam muamalat. (m/s 28)

- A. Prinsip Penuh Percaya Mutlak
- B. Prinsip Flexibel
- C. Prinsip Tolong Menolong
- D. **Prinsip Tetap**

17. Tabarru' bermaksud

- A. Menderma dengan tujuan untuk mendapat perlindungan dari pengendali Takaful.
- B. **Menderma atau memberikan milik secara percuma dengan niat yang ikhlas .**
- C. Menderma dengan harapan mendapat keuntungan dari perlaburan tersebut.
- D. Memberi dengan niat yang ikhlas dengan mengharapkan pulangan.

18. Wakalah bermaksud (m/s 30)

- A. Melantik orang lain menguruskan sesuatu proses jual-beli dengan lafaz tertentu agar wakilnya itu menguruskan segala tanggungjawab yang diwakilkan.
- B. Penyerahan tanggungjawab kepada seseorang agen takaful untuk mendapatkan perniagaan dengan lafaz tertentu agar wakilnya itu menguruskan segala tanggungjawab yang diwakilkan.
- C. **Penyerahan tanggungjawab yang ada pada seseorang kepada seseorang yang lain dengan lafaz tertentu agar wakilnya itu menguruskan segala tanggungjawab yang diwakilkan.**
- D. Melantik pihak ketiga untuk menyelesaikan sesuatu pertelingkahan proses jual-beli antara pengendali takaful dan peserta agar wakilnya itu menguruskan segala tanggungjawab yang diwakilkan.

19. Dalam industri takaful, pinjaman Qard Hasan akan diberikan oleh pemegang saham sekiranya berlaku

- A. Lebihan dalam kumpulan wang takaful.
- B. Defisit dalam kumpulan wang takaful keluarga.
- C. Lebihan dalam kumpulan wang takaful keluarga.
- D. Defisit dalam kumpulan wang takaful.**

20. Rukun dan syarat jual beli dalam muamalat ialah :

- i. Penjual dan pembeli
- ii. Ma'qud Alaih
- iii. Milikan sah
- iv. Sighah

- A. i, ii, iii
- B. i, iii, iv
- C. i, ii, iv**
- D. i, ii, iii, iv

21. Berikut adalah syarat-syarat yang mesti dipenuhi dalam rukun jual-beli KECUALI:

- A. Mampu untuk diserahkan
- B. Milikan sah orang lain**
- C. Mengetahui kuantiti, jenis dan sifat
- D. Harta bernilai dan bermanfaat

BAB 3 – TAKAFUL : PRINSIP DAN MODEL PENGENDALIAN OPERASI

22. Berikut adalah prinsip kontrak takaful KECUALI :

- A. Prinsip Subrogasi
- B. Prinsip sebab terhampir
- C. Prinsip tabarru'
- D. Prinsip Al-Mudharabah**

23. Kepentingan boleh lindung wujud apabila ada hubungan antara peserta dengan perkara yang dikontrakkan, biasanya timbul daripada beberapa situasi berikut :

- i. Hak dibawah kontrak
- ii. Potensi liabiliti undang-undang
- iii. Hak dibawah undang-undang
- iv. Keempunyaan harta

- A. i, iii, iv
- B. i, ii, iv**
- C. i, ii, iii
- D. Semua diatas

24. Prinsip indemnitati dalam kontrak takaful hanya diguna pakai dalam

- A. Urusniaga Takaful Am**
- B. Urusniaga Takaful Keluarga
- C. Urusniaga Takaful Perubatan & Kesihatan
- D. Urusniaga Takaful Kemalangan Diri

25. “Suatu kemalangan, kerugian, kerosakan atau kemusnahan mestilah disebabkan oleh bencana/peril yang dilindungi oleh kontrak insurans dan ianya hendaklah punca yang terdekat dan terkuat serta berterusan tanpa gangguan dan seterusnya membawa kepada kerosakan tersebut.” Pernyataan ini menjelaskan prinsip (m/s 37)

- A. Sebab terhampir**
- B. Perkongsian Sama Rata
- C. Subbbrogasi
- D. Indemniti

26. Model pengendalian takaful yang diguna pakai oleh pengendali takaful di malaysia pada masa kini ialah (m/s 37)

- A. Wakalah dan Musyarakah
- B. Mudharabah dan Musyarakah
- C. Mudharabah dan Wakalah**
- D. Musyarakah dan Mutawasitah

27. Dalam konteks Mudharabah pengendali takaful bertindak sebagai _____ dan peserta bertindak sebagai _____. (m/s 38)

- A. Rabbul mal , Wakeel
- B. Mudharib, Wakeel
- C. Rabbul Mal, Mudharib
- D. Mudharib, Rabbul Mal**

28. Kumpulan Wang Akaun Peserta(AP) dan lebih dalam Akaun Risiko Peserta selepas ditolak perbelanjaan pengendalian, akan dilaburkan dalam aset terutamanya seperti yang berikut: (m/s 40)

- i. Akaun wang tunai dan akaun pelaburan
- ii. Sekuriti hutang swasta dan equiti
- iii. Aset tetap
- iv. Instrument Islam Kerajaan

- A. i, ii, iii
- B. ii, iii, iv
- C. i, iii, iv**
- D. i, ii, iii, iv

29. Dalam model Al Wakalah, pengendali takaful bertindak sebagai agen bagi pihak

- A. Syarikat takaful
- B. Peserta**
- C. Pemegang saham
- D. Pengendali Takaful semula

30. Konsep wakalah pada dasarnya adalah perhubungan antara _____ yang mana pengendali takaful bertindak sebagai agen bagi pihak peserta dan dibayar fi bagi perkhidmatan tersebut. (m/s 41)

- A. Agen- prinsipal**
- B. Peserta – prinsipal
- C. Agen – peserta
- D. Peserta – pengendali

31. Dalam kontrak takaful, Prinsip Penuh Percaya menekankan perkara-perkara yang berikut KECUALI : (m/s 35)
- A. Semua pihak dalam kontrak takaful hendaklah mendedahkan semua maklumat yang penting pada masa permulaan kontrak dan sepanjang membuat tuntutan
 - B. Ini adalah prinsip asas dalam perniagaan takaful oleh kerana bentuk dan variasi yang timbul daripada kontrak asas yang digunakan oleh pengendali takaful memerlukan pendedahan dan ketelusan yang lebih daripada semua pihak yang terlibat dalam kontrak.
 - C. Memberi gambaran salah di pihak pengendali takaful boleh juga menyebabkan hukuman jenayah ringan di bawah undang-undang.**
 - D. Kegagalan mendedahkan dan/atau memberi gambaran yang salah dalam mana-mana fakta penting boleh menyebabkan kontrak terbatal.

BAB 4 – PERBANDINGAN INSURANS DAN TAKAFUL

32. Insurans merupakan(m/s 46)
- A. Satu institusi ekonomik yang berasaskan prinsip bersaling, bertujuan untuk memperoleh keuntungan.
 - B. Satu institusi ekonomik yang berasaskan prinsip bersaling, bertujuan untuk simpanan dan pelaburan.
 - C. Satu institusi ekonomik yang berasaskan prinsip bersaling, yang bertujuan untuk simpanan hari tua.
 - D. Satu institusi ekonomik yang berasaskan prinsip bersaling, bertujuan menubuhkan dana am.**
33. Dari segi kewangan, insurans didefinisikan sebagai(m/s 46)
- A. Pengaturan kewangan yang menekankan pengurusan risiko.
 - B. Pengaturan kewangan bagi menguruskan urusan kredit
 - C. Pengaturan kewangan yang mengagihkan semula kos kerugian luar jangka**
 - D. Pengaturan kewangan yang mengagihkan semula kos kerugian luar biasa.
34. Kontrak insuran hayat pertama yang direkodkan di England pada tahun 1583, di keluarkan atas nama(m/s 47)
- A. William Gybson
 - B. William Gybbon**
 - C. William Gibson
 - D. William Gybron

35. Syarikat insurans di Malaysia boleh dibahagikan kepada jenis-jenis yang berikut:
- i. Syarikat insurans komposit
 - ii. Syarikat insurans koperasi
 - iii. Syarikat insurans am
 - iv. Syarikat insurans hayat
- A. **i, iii, iv**
B. i, ii, iii
C. ii, iii, iv
D. i, ii, iii, iv
36. Pada _____ Majlis fatwa Kebangsaan Malaysia dalam persidangannya telah memutuskan bahawa insurans nyawa sebagaimana yang dijalankan oleh Syarikat-syarikat Insurans adalah satu matlamat yang fasid.
- A. 12 Jun 1972
B. 12 Jun 1974
C. **15 Jun 1972**
D. 15 Jun 1984
37. Menurut Syeikh Muhammad al-Ghazali dan Sheikh Yusuf Al-Qardhawi, sistem takaful perlu memenuhi syarat-syarat berikut KECUALI:
- A. Apabila wang sumbangan itu diniagakan, ianya hendaklah mengikut Syarak.
 - B. **Sumbangan yang dibuat oleh seseorang itu adalah bertujuan untuk mendapat imbalan yang berlipat ganda apabila terjadi sesuatu musibah.**
 - C. Setiap peserta yang menyerahkan wang sumbangannya harus disertai dengan niat untuk membantu demi menegakkan prinsip ukhuwah. Sebahagian daripada wang yang terkumpul digunakan untuk membantu mereka yang memerlukan.
 - D. Konsep tabarru' sama dengan hibah atau pemberian. Haram hukumnya sekiranya ditarik kembali. Jika terjadi sesuatu peristiwa, haruslah diselesaikan mengikut Syarak.
38. Gharar terbahagi kepada 3 iaitu: (m/s 51)
- A. Gharar Fadh, Gharar Fiqh, Gharar Yasir
 - B. **Gharar Fahisy, Gharar Yasir, Gharar Mutawassit**
 - C. Gharar Fahisy, Gharar Yasir, Gharar Muktammat
 - D. Gharar Yasir, Gharar Buyu', Gharar Nasiah

39. Berikut adalah gharar yang dimaafkan kecuali (m/s 51)

- i. Gharar tersebut adalah kecil dan sedikit
- ii. Urusniaga tersebut diperlukan oleh masyarakat
- iii. Urusniaga tersebut diperlukan oleh individu tertentu
- iv. Gharar tersebut tidak mampu dielakkan melainkan dengan kesusahan yang diiktiraf oleh Syarak

- A. i, ii, iii
- B. i, iii, iv
- C. i, ii, iv**
- D. i, ii, iii, iv

40. Maisir (judi) dalam kontak insuran wujud bilamana ... (m/s 54)

- A. Peserta membayar premium yang besar dengan mengharapkan wang yang lebih besar jumlahnya.
- B. Syarikat akan rugi jika terpaksa membayar tuntutan yang melebihi jumlah premium yang diterima.**
- C. Peserta akan mendapat balik premium apabila peristiwa yang ingin dilindungi tidak berlaku.
- D. Semua diatas.

41. _____ ialah riba yang berlaku melalui hutang manakala _____ ialah riba yang berlaku melalui jual-beli. (m/s 54)

- A. Riba Buyu' , Riba Qurudh
- B. Riba Yasir, Riba Qurudh
- C. Riba Qurudh, Riba Buyu'**
- D. Riba Buyu' , Riba Nasiah

42. Contoh-contoh riba dalam kontrak insurans ialah ... (m/s 56)

- i. Bayaran faedah pinjaman
- ii. Pinjaman dari polisi
- iii. Keuntungan pelaburan
- iv. Bunga atas premium yang telah dibayar

- A. i, ii, iii
- B. i, ii, iv
- C. ii, iii, iv
- D. i, ii, iii, iv**

BAB 5 - INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA

43. Tiga komponen utama dalam industri takaful dinegara ini adalah...(m/s 62)

- i. Peserta takaful
- ii. Pengendali takaful
- iii. Saluran pengantara
- iv. Bank

- A. i, ii, iv
- B. i, iii, iv
- C. i, ii, iii**
- D. i, ii, iii, iv

44. Pengendali takaful ialah pentadbir kumpulan wang takaful dan mengurus kumpulan wang tersebut sebagai amanah bagi pihak peserta, dan kontrak antara peserta dengan pengendali ditentukan dibawah kontrak _____ atau _____. (m/s 62)

- A. Musyarakah , Mudharabah
- B. Murabahah, Wakalah
- C. Wakalah, Musyarakah
- D. Mudharabah , Wakalah**

45. Agen hanya boleh mewakili tidak lebih dari _____ syarikat takaful am dan _____ syarikat takaful keluarga dalam satu masa. (m/s 63)

- A. 2, 1**
- B. 1, 1
- C. 1, 2
- D. 2, 2

46. Dibawah Akta Takaful 1984, broker takaful berlesen dikehendaki mempunyai perlindungan takaful atau insurans indemniti profesional tidak kurang daripada
- A. RM 250,000
 - B. RM 300,000
 - C. RM 500,000**
 - D. RM 750,000
47. Dibawah Akta Takaful 1984, “mana-mana orang yang kerana pampasan, fee, komisen atau gaji menyiasat dan merunding penyelesaian tuntutan yang timbul di bawah kontrak takaful semata-mata bagi pihak sama ada pengendali takaful atau peserta” ditafsirkan sebagai ... (m/s 64)
- A. Agen
 - B. Adjuster**
 - C. Broker
 - D. Pengendali Takaful
48. Sumber pendapatan pengendali takaful adalah daripada ...(m/s 67)
- i. Keuntungan daripada pelaburan kumpulan wang pemegang saham
 - ii. Fi Agensi/wakalah
 - iii. Bahagian keuntungan pelaburan kumpulan wang takaful
 - iv. Lebihan kumpulan takaful
- A. i, ii, iii
 - B. i, ii, iv
 - C. ii, iii, iv
 - D. i, ii, iii, iv**
49. Berikut adalah objektif penubuhan INCEIF sebagai peneraju pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa dibidang kewangan Islam **KECUALI** : (m/s 71)
- A. Membangunkan kepakaran bagi sistem kewangan Islam global
 - B. Menawarkan pentauliahn profesional dan program ijazah lanjutan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa
 - C. Menyediakan dana yang mencukupi untuk penyelidik dan pendidik di bidang kewangan Islam**
 - D. Memudahkan penyelarasan, perancangan dan perlaksanaan inisiatif modal insan bagi industri kewangan Islam global

50. Biro pengantara kewangan adalah sebuah badan bebas yang ditubuhkan bagi membantu (m/s 72)
- i. Memberi pampasan kepada mangsa kemalangan yang melibatkan 'pemendu tidak berinsurans' yang berkemampuan menanggung liabiliti mereka dengan harta mereka sendiri.
 - ii. Menyediakan satu saluran yang percuma, cepat, mudah dan cekap untuk pengguna mengemukakan pertikaian sebagai alternatif kepada penyelesaian melalui mahkamah.
 - iii. Sebagai usaha membantu pengguna sekiranya berlaku pertikaian dengan pengendali takaful.
 - iv. Bagi membantu menyelesaikan pertikaian diantara pengguna dengan penyedia perkhidmatan kewangan iaitu di kalangan ahli-ahli FMB

- A. i, ii, iii
- B. ii, iii, iv**
- C. i, ii, iv
- D. i, iii, iv

51. Antara objektif utama persatuan ini adalah (m/s 68)

- i. Untuk membentuk struktur insurans yang kukuh di Malaysia
- ii. Untuk menyediakan panduan, peraturan tarif dan juga undang-undang kecil untuk kegunaan ahli-ahli setelah dirundingkan dengan pihak Ketua Pengarah Insurans.
- iii. Untuk membantu dengan apa jua cara bagi mengurangkan kerugian dan/atau kemalangan dan pencegahan jenayah.
- iv. Bekerjasama dengan persatuan takaful untuk menggalakkan kewujudan industri insurans dan takaful yang sihat

Namakan Persatuan tersebut.

- A. PIAM**
- B. NAMLIFA
- C. LIAM
- D. NIAM

52. Perkhidmatan Insurans Malaysia (ISM) berperanan untuk (m/s 73)

- A. Memberi pampasan kepada mangsa kemalangan yang melibatkan 'pemendu tidak berinsurans' yang berkemampuan menanggung liabiliti mereka dengan harta mereka sendiri.
- B. Menyediakan infrastruktur pangkalan data bagi memupuk kompetensi dalam hal penentuan harga dan peruntukan rizab berhemat dan meningkatkan kecekapan operasi melalui perkongsian maklumat, pengesanan penipuan dan penggunaan teknologi maklumat.**
- C. Menyediakan satu saluran yang percuma, cepat, mudah dan cekap untuk pengguna mengemukakan pertikaian sebagai alternatif kepada penyelesaian melalui mahkamah.
- D. Menyediakan saluran yang pantas, mudah dan berkesan kepada pengguna untuk menyalurkan aduan, pertikaian atau tuntutan untuk mencapai penyelesaian sebagai alternatif kepada mahkamah

BAB 7 – KONSEP RISIKO

53. Kesilapan biasa dalam pengurusan kewangan ialah: (m/s 92)

- i. Sikap gemar berhutang
- ii. Penggunaan kad kredit yang keterlaluan
- iii. Gagal membuat simpanan
- iv. Sentiasa membuat peruntukan untuk simpanan masa hadapan

- A. i, ii, iii**
- B. i, iii, iv
- C. ii, iii, iv
- D. i, ii, iii, iv

Saalan 54 & 55 merujuk kepada petikan dibawah: (m/s 95)

Ismet adalah seorang perokok telah lebih dari 15 tahun. Selepas menjalani pemeriksaan kesihatan baru baru ini, doktor mengesahkan beliau mengidap kanser paru-paru dan perlu untuk menjalani rawatan secara intensif selama 3 bulan di hospital tersebut. Dalam tempoh tersebut biaya kos perubatannya telah mencecah hampir RM30,000 dan dia juga kehilangan punca pendapatan sebanyak RM10,000 disebabkan tidak dapat bekerja.

54. Berdasarkan situasi Ismet di atas, manakah antara berikut adalah peril ?

- A. Kos perubatan sebanyak RM20,000
- B. Tabiat merokok Ismet
- C. Penyakit kanser paru-paru**
- D. Kehilangan punca pendapatan RM10,000

55. Manakah antara berikut adalah bahaya?

- A. Kos perubatan sebanyak RM20,000
- B. Tabiat merokok Ismet**
- C. Penyakit kanser paru-paru
- D. Kehilangan punca pendapatan RM10,000

56. Apakah tugas Jawatankuasa Syariah dalam memastikan operasi pengendali takaful selari dengan hukum Syarak

- i. Perlaksanaan tabung
- ii. Pelaburan
- iii. Pembahagian Untung

- A. i, ii, iii**
- B. ii, iii sahaja
- C. i, iii sahaja
- D. Bukan seperti diatas

57. Mengapakah individu perlu perlindungan Takaful?

- i. Kerana setiap orang terdedah kepada musibah atau malapetaka
- ii. Tidak dapat dipastikan bila musibah akan berlaku
- iii. Boleh mengakibatkan kerugian yang besar dan pengurangan nilai
- iv. Untuk mencari duit lebih

- A. I, ii, iv
- B. Ii, iii sahaja
- C. I, iii sahaja
- D. Kesemuanya kecuali iv**

58. Pilih salah satu ciri-ciri tabarru'

- A. Membuat derma tanpa syarat
- B. Tabung bencana alam
- C. Membuat keburukan
- D. Mengurnia dengan redha**

59. Pengertian Al – Mudharabah ialah :

- A. Nisbah pembahagian bergantung kepada aqad yang dibuat**
- B. Nilai berdasarkan Nisbah yang ditentukan dari kerugian Syarikat
- C. Perkongsian Keuntungan Para Peserta dan Pengendali Takaful
- D. Ianya adalah Mudah Rebah

60. Jelaskan pengertian Gharar?
- A. Pemberian wang dari keuntungan syarikat
 - B. Peminjaman wang untuk tujuan mendapat keuntungan
 - C. Ketidakpastian di mana terdapat sesuatu yang ingin disembunyikan oleh sebelah pihak dan menimbulkan ketidakadilan kepada pihak yang lain.**
 - D. Peserta membayar premium yang kecil dengan mengharapkan pulangan yang besar
61. Seksyen apakah yang menekankan kepada caruman mesti dijelaskan sebelum pengendali takaful mengambil alih apa-apa risiko dalam perniagaan am?
- A. Seksyen 35
 - B. Seksyen 28
 - C. Seksyen 66
 - D. Seksyen 25**
62. Pilih ciri bukan seorang wakil takaful dalam melaksanakan tugas-tugas?
- A. Kurang percaya**
 - B. Ketelitian dan kemahiran
 - C. Pelaksanaan tanggungjawab
 - D. Pengendalian wang sumbangan
63. Diantara berikut, yang manakah BUKAN ciri-ciri risiko boleh diinsurankan?
- A. Ia mestilah tidak bertentangan dengan dasar dan kepentingan awam
 - B. Ia mestilah berlaku secara kebetulan sahaja.
 - C. Ia mestilah tergolong dalam risiko spekulatif.**
 - D. Ia mestilah tergolong dalam risiko tulen
64. Diantara berikut, yang manakah pendekatan pengurusan risiko yang paling tidak berkesan?
- A. Pengelakan risiko
 - B. Pemindahan risiko
 - C. Pembendungan risiko
 - D. Tidak mempedulikan risiko**

65. Yang manakah diantara berikut BUKAN teknik pengawalan dan meminimumkan kerugian dalam insurans kebakaran?
- A. Latihan pencegahan kebakaran kepada pekerja
 - B. Melupuskan bahan buangan mengikut peraturan dan menjaga kebersihan.
 - C. Menggunakan bahan tidak mudah bakar dalam industri pembinaan bangunan
 - D. Pemasangan sistem penggera keselamatan.**
66. Yang manakah diantara berikut bukan teknik pengawalan dan meminimumkan kerugian dalam insurans hayat dan kesihatan?
- A. Latihan bantuan kecemasan kepada pekerja
 - B. Elakkan diri dari merokok menginsurankan hayat dengan amaun insurans yang bersesuaian dengan kedudukan kewangan
 - C. Elakkan diri dari merokok
 - D. Orang yang dilindungi memasang jeriji di rumah kediamannya.**
67. Yang manakah diantara berikut BUKAN risiko tulen?
- A. Kebakaran
 - B. Banjir
 - C. Kecurian
 - D. Mengendali perniagaan pasaraya**
68. Yang manakah diantara keterangan berikut tidak benar
- A. Peril adalah penyebab utama berlakunya kerugian
 - B. Bahaya akan mempengaruhi kesan kerugian
 - C. Ketidakpastian mengenai kerugian juga dikenali sebagai risiko
 - D. Bahaya moral boleh dikenalpasti melalui ciri-ciri fizikal risiko**
69. Apabila seseorang itu berhenti bermain bola sepak kerana khuatir mengalami kecederaan, kaedah kawalan risiko tersebut dikenali sebagai
- A. Pencegahan kerugian
 - B. Pengelakan risiko**
 - C. Pemindahan risiko
 - D. Pembendungan risiko

70. Keterangan yang paling tepat mengenai risiko tulen ialah
- A. Tiada kerugian, untung atau kerugian
 - B. Tiada kerugian atau kerugian**
 - C. Keuntungan atau kerugian
 - D. Kerugian
71. Yang manakah diantara berikut menentukan jumlah kerugian dibawah kaedah kawalan kerugian dalam menangani risiko tulen?
- i. Kekerapan
 - ii. Ketenatan kerugian
 - iii. Bahaya fizikal
 - iv. Bahaya moral
- A. I dan ii**
 - B. Ii dan iii
 - C. Iii dan iv
 - D. Kesemua diatas

BAB 10 – PEMASARAN DAN KHIDMAT SELEPAS JUALAN

72. Dalam keadaan yang bagaimanakah ejen perlu menggunakan teknik penjualan kreatif?
- A. Apabila pelanggan tidak mengetahui atau menyedari keperluannya**
 - B. Dalam situasi dimana pelanggan telah sedia mengetahui tentang keperluannya
 - C. Apabila penjualan berjaya dimuktamadkan secara tidak langsung kerana hubungan yang baik antara ejen dan pelanggannya.
 - D. Apabila pelanggan memerlukan sedikit masa untuk memikirkannya, atau mungkin tidak bersetuju dengan harga yang dikenakan
73. Mengapa penilaian selepas jualan merupakan faktor penting kepada ejen?
- A. Ejen mempunyai peluang yang lebih cerah memupuk keyakinan dan kesetiaan pelanggan ketika pembaharuan polisi**
 - B. Ejen dapat memahami keperluan pelanggan dengan lebih baik
 - C. Ejen dapat mencadangkan perlindungan yang bertepatan dengan keperluan pelanggan
 - D. Tidak berkenaan